



# **Perisytiharan Ke Arah Etika Dunia**

**Parlimen Agama-agama Dunia**

**4 September 1993**

# Pengenalan

Teks bertajuk “pengenalan” telah diterbitkan oleh Jawatankuasa Editorial Majlis Parlimen Agama-agama Dunia di Chicago. Risalah ini diringkaskan dari perisytiharan tersebut bagi tujuan publisiti.

Dunia sedang menderita. Penderitaan ini sungguh menyeluruh dan mendesak sehingga memaksa kita menamakan manifestasinya demi untuk menjelaskan bagaimana parahnya penderitaan ini.

Keamanan menjauhi kita – planet ini sedang dihancurkan - jiran tetangga hidup dalam ketakutan – wanita dan lelaki terpisah dan anak – anak kecil mati.

Ini amat menggerunkan.

Kami mengutuk penderaan berterusan ke atas ekosistem dunia.

Kami mengecam kemiskinan yang mencengkam potensi kehidupan; kebuluran yang melemahkan jasmani manusia serta ketidakseimbangan ekonomi yang telah mengancam dan menghancurkan banyak keluarga.

Kami mengutuk aturan sosial yang kucar kacir dalam negara-negara; tuntutan keadilan yang tidak dihiraukan sehingga membuatkan rakyat terpinggir; kacau bilau yang menguasai masyarakat; dan kematian kanak-kanak yang menggila akibat keganasan. Secara khusus, kami mengutuk tindakan ceroboh dan kebencian yang dibuat atas nama agama.

Kesengsaraan ini tidak sepatutnya terjadi.

Ia tidak harus terjadi kerana asas-asas kepada etika telah sedia wujud. Asas – asas etika ini menawarkan kemungkinan kewujudan individu yang berakhlak serta mampu

mewujudkan tata global yang baru yang dapat menghindari individu serta masyarakat dari kesengsaraan dan keadaan kacau bilau.

Kami adalah lelaki dan wanita yang memeluk dan melaksanakan tuntutan agama masing-masing di dalam dunia ini.

Kami tegaskan, bahawa sekumpulan nilai-nilai asasi yang dikongsi bersama terdapat di dalam ajaran agama-agama dunia dan nilai-nilai ini membentuk asas kepada etika global.

Kami tegaskan, bahawa kebenaran telah kita ketahui, tetapi ia belum tersemat di hati dan belum diterjemahkan sebagai tindakan.

Kami tegaskan, bahawa terdapat norma yang kukuh dan mutlak bagi setiap aspek kehidupan, bagi keluarga, masyarakat, negara dan agama. Telah wujud, sejak zaman silam, garis panduan bagi pekerti manusia dalam ajaran semua agama di dunia dan nilai pekerti inilah yang menjadi syarat untuk tata dunia yang mampan.

Kami mengisytiharkan:

Bahawa kita saling memerlukan. Setiap kita bergantung kepada kesejahteraan bersama, dan dengan itu kami menghormati semua makhluk dunia, manusia, haiwan dan juga tumbuhan. Kami juga berikrar menjaga dan memelihara bumi, udara, air, dan tanah ini.

Kita bertanggungjawab atas apa yang kita lakukan. Segala keputusan, perlakuan dan juga kegagalan kita untuk bertindak mempunyai akibat.

Kita perlu melayani orang lain sepertimana kita mahu orang lain melayani kita. Kita memberikan komitmen untuk menghargai kehidupan serta harga diri, individualiti dan kepelbagaian, supaya setiap individu dilayan dengan rasa kemanusiaan, tanpa pengecualian. Kerana itu kami perlu bersabar dan bersikap terbuka. Kita mesti mempunyai sifat pemaaf, belajar dari pengalaman tetapi tidak membiarkan diri diperhambakan oleh ingatan–ingatan kebencian. Membuka pintu hati terhadap sesama, kita perlu membenamkan perbezaan kecil, mengamalkan budaya solariditi dan rasa berkaitan.

Kami menganggap umat manusia adalah keluarga kami. Kita perlu berusaha untuk menjadi baik dan pemurah. Kita tidak seharusnya hidup semata-mata untuk diri sendiri tetapi harus memberi khidmat kepada orang lain, tanpa melupakan anak – anak kecil warga tua yang miskin dan menderita, yang kurang upaya, pelarian dan mereka yang bersendirian. Tidak ada manusia yang patut dilayan sebagai manusia kelas dua atau diperguna untuk apa jua tujuan. Perlu ada perkongsian yang setaraf antara lelaki dan wanita. Kita juga tidak seharusnya membezakan antara jantina. Kita mesti ketepikan segala bentuk dominasi dan penganiayaan.

Kita berpagang teguh kepada budaya yang menolak keganasan, budaya saling menghormati, keadilan dan keamanan.

Kita tidak akan menekan, mencedera, menyeksa atau membunuh manusia lain sebagai jalan bagi menyelesaikan sebarang perbezaan.

Kita harus memperjuangkan tata sosial dan ekonomi, yang adil di mana semua berpeluang untuk merealisasikan potensi penuh sebagai manusia. Kita perlu bercakap benar dan bertindak jujur dengan penuh kasih sayang, berlaku saksama dan mengelakkan sikap prejudis dan perasaan benci. Kita jangan mencuri. Kita harus bergerak melangkaui ketamakan terhadap kuasa, kedudukan dan wang kearah dunia yang adil dan aman.

Dunia tidak akan bertambah baik selagi kesedaran individu tidak diubah terlebih dahulu. Kami berikrar untuk meningkatkan tahap kesedaran dengan mendisiplinkan minda melalui meditasi, sembahyang atau berfikir positif. Tanpa kesediaan untuk mengambil risiko dan berkorban tidak ada perubahan yang boleh berlaku. Oleh itu, kami berpegang kepada etika global ini, untuk memahami antara satu sama lain, berusaha untuk sebuah cara hidup yang berfaedah kepada masyarakat, aman dan mesra alam.

Kami menjemput seluruh warga dunia, beragama atau tidak, untuk melakukan yang serupa.

## Prinsip-prinsip Etika Dunia

Dunia sedang mengalami krisis yang asasi: yakni krisis ekonomi global, ekologi global dan politik global. Ketiadaan wawasan global, kemelut masalah yang tidak diselesaikan, kelumpuhan politik, kepimpinan politik yang kurang matang, gagal merancang masa kini dan masa depan dan secara keseluruhannya kurang peka terlihat di mana-mana: Terlalu banyak jawapan usang untuk cabaran baru dunia.

Ratusan juta manusia di atas muka bumi sengsara akibat pengangguran, kemiskinan, kebuluran dan kemusnahan keluarga. Harapan untuk keamanan yang berkekalan antara negara meleset jauh dari kita. Terdapat ketegangan antara jantina dan generasi. Kanak-kanak mati, membunuh dan dibunuh. Makin banyak negara digoncang rasuah dalam politik dan perniagaan. Semakin sukar kita untuk hidup bersama secara aman dalam kota besar akibat konflik sosial, perkauman dan etnik, penyalahgunaan dadah, jenayah yang berorganisasi dan bahkan anarki. Bahkan sekarang jiran hidup dalam ketakutan sesama sendiri. Dunia terus dimusnahkan dengan rakusnya. Keruntuhan ekosistem mengancam kita.

Berulangkali kita lihat para pemimpin dan penganut agama-agama menghasut permusuhan, kefanatikan, kebencian dan permusuhan terhadap orang-orang asing sehingga sanggup menghalalkan dan menggalakkan kekerasan dan konflik berdarah. Agama sering disalahgunakan untuk memperolehi kuasa, cita-cita politik, termasuk peperangan. Ini menjijikan kita.

Kami mengutuk keras kerosakan sebegini dan mengisytiharkan bahawa ini tidak seharusnya berlaku. Asas etika telah wujud dalam semua ajaran agama di dunia yang mampu menghalang keresahan global. Benar, etika yang sedia ada ini tidak menawarkan penyelesaian terus untuk semua masalah yang semakin serius di dunia ini, tetapi etika yang sedia ada ini dapat membentuk asas moral bagi melahirkan individu dan tata dunia yang lebih baik. Satu wawasan yang mampu menyelamatkan manusia dari putus harapan dan menjauhkan masyarakat dari kacau bilau.

Kami adalah orang yang menghambakan diri untuk menerima dan melaksanakan tuntutan ajaran agama-agama dunia. Kami mengesahkan bahawa telah sedia ada kata sepakat di dalam agama-agama yang dapat menjadi asas kepada etika global – kata sepakat yang minima dan paling asas berkaitan nilai, ukuran dan sikap moral.

## I. Tidak wujud tata global baru tanpa etika global yang baru

Kami, wanita dan lelaki, dari agama yang berteladan, dari seluruh pelusuk dunia dengan ini memberitahu kepada seluruh manusia yang berpegang dengan agama dan tidak, bahawa kami mempunyai keyakinan bersama bahawa:

- ♦ Kita semua mempunyai tanggungjawab ke arah memperbaiki tata dunia
- ♦ Penglibatan kita demi hak asasi manusia, kebebasan, keadilan, keamanan dan pemeliharaan bumi kita ini adalah satu kewajipan mutlak.
- ♦ Perbezaan agama dan tradisi budaya tidak seharusnya jadi penghalang kepada penglibatan bersama dalam menentang semua bentuk perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan berusaha ke arah menegakkan prinsip kemanusiaan.
- ♦ Prinsip yang diperuntukan dalam Etika Global ini dapat diperteguhkan dengan sokongan dan komitmen oleh semua manusia sama ada yang teguh kepercayaan agamanya ataupun sebaliknya.
- ♦ Sebagai agamawan kami menyandarkan kehidupan kepada Tuhan, dan padaNya kami memperoleh kekuatan rohani dan harapan, dalam rasa percaya, dengan sembahyang dan meditasi, melalui pertuturan mahupun dalam senyap. Kami mempunyai tanggungjawab khas bagi kebajikan kemanusiaan dan penjagaan bumi ini. Kami tidak menganggap bahawa kami lebih baik daripada yang lain tetapi kami percaya kepada kebijaksanaan ketetapan ajaran agama kami mampu menjadi petunjuk ke arah masa depan yang lebih cerah.

Setelah melalui dua perang dunia dan berakhir perang dingin, keruntuhan fahaman "Fasis" dan "Nazi" serta kegoncangan asas

komunisme dan kolonialisme, nilai kemanusiaan memasuki fasa baru dalam sejarahnya. Hari ini kita mempunyai sumber ekonomi, kebudayaan dan kekuatan kerohanian yang mencukupi untuk memperkenalkan tata dunia baru yang lebih cemerlang. Namun ketegangan etnik, negara, sosial, ekonomi dan agama, baru dan lama, menjadi ancaman bagi pembentukan dunia yang aman dan makmur. Kita telah mencapai kemajuan ekonomi, namun kita masih melihat dunia yang penuh dengan kemiskinan, kebuluran, kematian kanak-kanak, pengangguran, kesengsaraan dan kemusnahan yang bukan berkurangan malah meningkat. Ramai yang kini diancam kemusnahan ekonomi, kekecohan masyarakat, peminggiran dalam politik, bencana alam dan keruntuhan bangsa.

Dalam keadaan dunia yang dramatik ini kemanusiaan memerlukan wawasan di mana manusia hidup bersama dengan aman, di mana pelbagai kaum dan etika serta agama mengambil tanggungjawab bersama memelihara dunia. Wawasan tegak di atas landasan harapan, cita-cita, ideal dan standard. Namun, di seluruh dunia semua faktor ini nampaknya terlepas dari genggaman kita. Namun, kami yakin, sungguhpun terdapat pencabulan dan kegagalan berterusan, komuniti beragama mampu memikul tanggungjawab bagi memastikan harapan idea dan standard dapat dijaga, diperkukuh dan disuburkan. Dan hal ini amat perlu dalam negara moden. Jaminan kebebasan kepercayaan dan agama adalah perlu tetapi ini bukan pengganti bagi seperangkat nilai dan norma yang laku dipakai oleh semua manusia tanpa mengira bangsa, jantina, warna kulit, bahasa dan agama.

Kami yakin dengan kesatuan manusia sebagai sebuah keluarga. Kami menyebut kembali Perisytiharan Universal Hak Asasi Manusia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948. Kami ingin mengesah dan memperdalam apa yang disebut dalam perisytiharan tersebut, berkenaan hak, dari perspektif sebuah etika: Kesedaran penuh tentang kemuliaan seseorang manusia, hak kebebasan mereka, kesamarataan dari segi prinsip untuk semua manusia dan keperluan terhadap solidariti serta kebergantungan antara satu sama lain.

Pengalaman dan sejarah telah mengajar kita:

- ♦ Bahawa sebuah tata dunia tidak boleh dicipta atau dicapai melalui perlaksanaan undang-undang, arahan dan konvensyen semata-mata.
- ♦ Bahawa untuk mencapai keadilan, keamanan dan pemeliharaan dunia bergantung kepada kefahaman dan kesediaan semua pihak untuk bertindak secara saksama.

♦ Bahawa tindakan yang memberi kebaikan kepada hak asasi dan kebebasan datang dari kesedaran tentang tanggungjawab dan tugas, dan dengan itu bicara mesti ditujukan terhadap minda dan jiwa manusia

♦ Bahawa kebebasan yang melampaui sempadan moral tidak akan bertahan lama, justeru itu tidak akan ada tata dunia yang lebih baik tanpa etika global.

Menyebut etika global, kami tidak memaksudkan ia sebagai satu ideologi global atau sebuah agama bersatu mengatasi agama-agama lain yang sedia wujud, dan bukan juga dominasi sebuah agama tertentu terhadap seluruh agama lain. Etika Global yang dimaksudkan adalah asas yang diterima umum merangkumi nilai – nilai murni, ukuran asas kehidupan dan pekerti individu.

Tanpa keseragaman dan penerimaan etika ini, lambat laun masyarakat pasti diancam haru-biru atau kediktatoran, dan individu akan kehilangan harapan.

## II. Tuntutan Asas: Setiap manusia harus dilayan dengan rasa kemanusiaan

Kami adalah manusia biasa, lelaki dan wanita yang tidak sempurna dan terbatas kemampuan. Kami tahu hakikat kejahatan. Oleh kerana itulah kami terpanggil demi kebajikan global untuk menyuarakan apakah asas keperluan etika global yang sepatutnya - bagi individu dan organisasi juga masyarakat keseluruhan termasuk pertubuhan dan bagi negara dan juga agama. Kami percaya asas keagamaan dan peradaban silam memperuntukkan asas etika yang meyakinkan dan mampu diamalkan oleh semua wanita dan lelaki yang inginkan kebaikan, sama ada mereka kuat berpegang pada agama atau sebaliknya.

Dalam masa yang sama, kami sedar bahawa agama dan tradisi yang pelbagai menawarkan asas berteladan tentang apa yang perlu dan yang tidak diperlukan manusia, apa yang benar dan apa yang salah, apa yang baik dan apa yang tidak. Kami tidak berhasrat mengeneipikan atau menafikan perbezaan jelas antara agama. Namun, ia tidak semestinya menjadi penghalang untuk kami menegaskan secara terbuka perkara-perkara yang disepakati bersama dan saling mengesahkan, setiap satunya di atas asas keagamaan dan landasan etika tersendiri.

Kami tahu agama tidak mampu menyelesaikan masalah alam sekitar, ekonomi,

politik dan sosial dunia. Bagaimanapun agama mampu membekalkan sesuatu yang tidak mampu dicapai semata-mata melalui perancangan ekonomi, program-program politik, atau lunas-lunas undang-undang: iaitu perubahan dari segi orientasi dalaman, keseluruhan mentaliti, jiwa manusia, dan penukaran dari jalan kehidupan yang salah kepada orientasi baru kehidupan. Manusia memerlukan reformasi sosial dan ekologi dengan segera di samping keperluan segera terhadap penyegaran rohani. Sebagai agamawan dan ahli rohani kami bersedia memikul tugas ini. Kekuatan kerohanian yang dicetuskan agama mampu menawarkan asas amanah, asas pengertian, standard utama, dan sebuah rumah rohani. Barang pasti, agama hanya akan dipercayai bilamana ia dapat menghapuskan konflik yang tercetus dari agama itu sendiri, meleraikan keangkuhan sesama, ketidakpercayaan, prejudis, dan bahkan imej perseteruan, dan apabila ia menunjukkan rasa hormat kepada tradisi, tempat-tempat suci, perayaan, serta upacara ritual mereka yang mempunyai kepercayaan berbeza.

Hari ini, seperti sebelumnya, di seluruh dunia, wanita dan lelaki tidak dilayan selayaknya sebagai manusia. Peluang dan kebebasan mereka dirampas; hak asasi kemanusiaan dipijak, harga diri mereka tidak dipedulikan. Tetapi kuasa tidak boleh mengubah yang salah menjadi benar. Berdepan dengan segala perbuatan tidak berperikemanusiaan, keyakinan agama dan etika kita menuntut agar semua manusia harus diberikan layanan sebagai manusia.

Ini bermakna setiap manusia tanpa mengira umur, jantina, kaum, warna kulit, kemampuan fizikal dan mental, bahasa, agama, pandangan politik, atau kenegaraan atau latar sosial mempunyai harga diri yang tidak patut

dicalarkan, dan semua pihak, baik individu mahupun negara, wajib meraikan maruah ini dan mempertahankannya. Manusia harus sentiasa menjadi subjek hak asasi, sentiasa menjadi matlamat, bukan sekadar alat, bukan semata-mata objek komersialisasi dan perindustrian dalam ekonomi, politik, media, dalam institut kajian dan industri korporat. Tidak ada sesiapa berdiri 'mengatasi yang lain' — tidak seorang manusia, tidak kelas sosial, tidak kumpulan berpengaruh, tidak kartel, tidak aparat polis, tidak tentera, dan tidak negara. Sebaliknya: Memiliki akal dan nurani, setiap manusia wajib berperilaku sebagai seorang manusia, melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan.

Menjadi hasrat Etika Global ini untuk menjelaskan maksudnya. Dalamnya kita mahu memperingatkan tentang norma etika yang kukuh dan jelas. Ini tidak seharusnya mengikat dan merantai, tetapi membantu dan menyokong manusia sekali lagi menemui dan menyedari arah, nilai, orientasi, dan makna kehidupan.

Telah wujud satu prinsip asas dalam banyak agama dan tradisi etika manusia sejak ribuan tahun: Jangan perbuat terhadap orang lain apa yang kita tidak ingin orang lain perbuat terhadap kita. Atau dalam ayat lebih positif: Perbuat kepada orang lain apa yang kita ingin orang lain perbuat terhadap kita. Ini seharusnya menjadi nilai yang kukuh dan jelas untuk semua aspek kehidupan, untuk keluarga dan masyarakat, untuk semua bangsa, negara dan agama.

Semua bentuk ego perlu ditolak: Setiap sikap mementingkan diri, sama ada individu atau kumpulan, sama ada berdasarkan kelas pemikiran, perkauman, semangat kebangsaan, atau kejantinaan. Kami mengutuk sekeras-kerasnya semua perkara ini kerana ia menghalang manusia dari menjadi manusia yang sebenar-benarnya.

Kehendak dan kesedaran diri tidak salah, asalkan ia tidak dipisahkan dari tanggungjawab kemanusiaan dan tanggung-jawab global, iaitu, tanggungjawab terhadap sesama manusia dan terhadap bumi.

Prinsip asas ini membentuk satu standard

asas yang kukuh yang harus dipegang oleh semua manusia. Darinya lahir empat garis besar warisan silam yang ditemui dalam kebanyakan agama dunia sebagai panduan untuk tingkah laku manusia.

### III. Panduan yang kukuh

#### 1. Komitmen terhadap budaya tanpa keganasan dan menghargai kehidupan.

Tidak terhitung bilangan lelaki dan wanita pelbagai agama yang berusaha hidup tanpa dipandu egoisme tetapi dipandu oleh setia kawan terhadap manusia dan dunia di sekelilingnya. Namun, di seluruh dunia ini kita temui kebencian tidak berpenghujung, cemburu, hasad dengki dan keganasan bukan sahaja antara individu tetapi antara sosial dan kumpulan etnik, antara darjat, kaum, negara dan agama. Penggunaan kekerasan, penyeludupan dadah, jenayah terancang, selalunya dilengkapi kemahiran teknikal, telah mencapai kemuncak. Banyak tempat masih dicengkam keganasan 'pihak atas'; diktator menekan rakyat sendiri, dan keganasan institusi berkembang luas. Malahan di sesetengah negara di mana wujud peruntukan undang-undang bagi memelihara kebebasan peribadi, banduan didera, lelaki dan wanita dicacatkan, ditawan dan dibunuh.

**A.** Dalam agama silam dan tradisi etika yang agung kami menemukan panduan: Kamu tidak dibenarkan membunuh! Atau dalam perkataan lebih positif, Hargai nyawa. Mari kita menilai semula panduan silam ini: Semua manusia mempunyai hak hidup, keselamatan, dan kebebasan pembentukan personaliti selagi tidak menceroboh hak orang lain. Dan tidak ada manusia, tidak ada negara, tidak ada bangsa, dan tidak ada agama berhak untuk membenci, mendiskriminasi, 'membersih',

mengusir, apatahlagi melenyapkan minoriti 'asing' yang mempunyai perlakuan atau memegang kepercayaan berbeza.

**B.** Benar, bila mana ada manusia tentu ada konflik. Namun, konflik ini harus diselesaikan tanpa keganasan menurut landasan-landasan yang adil. Ini perlu diterapkan tidak kira oleh individu mahupun negara. Mereka yang mempunyai kuasa politik harus melaksanakan tugas dalam kerangka keadilan, kesaksamaan dan harus komited memikul tanggung jawab tersebut bersandarkan kepada penolakan sebarang bentuk keganasan dan penyelesaian melalui proses-proses berlandaskan keamanan. Mereka harus dalam kerangka yang ditetapkan oleh orde keselamatan antarabangsa. Penggunaan senjata adalah satu kesalahan; dan perlucutan senjata disanjung tinggi setiap masa. Jangan sesiapa tertipu: Survival manusia tidak dapat diteruskan tanpa tanpa keamanan global.

**C.** Anak-anak muda harus diberi didikan baik di rumah mahupun di sekolah bahawa keganasan bukan cara penyelesaian sesuatu perbezaan. Hanya dengan ini, budaya menolak keganasan dapat terbentuk.

**D.** Nyawa manusia amat berharga dan harus dipertahankan. Begitu juga haiwan dan tumbuhan yang mendiami bumi ini bersama-sama dengan kita. Ia juga perlu dijaga,

dipertahan, dipulihara dan dikekalkan. Eksploitasi tanpa batasan ke atas kehidupan semulajadi, pemusnahan permukaan bumi dan alam semesta adalah satu tindakan yang melampau. Sebagai manusia kita mempunyai tanggungjawab khas — khususnya untuk masa depan generasi kita — untuk Bumi dan alam semesta, untuk udara, air dan tanah. Kita semua sebenarnya saling berhubung kait di dalam alam ini serta saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu sikap dominasi manusia ke atas alam semulajadi dan alam semesta tidak harus digalakkan. Sebaliknya kita harus menuai kehidupan dalam keadaan harmoni dengan

## 2. Komitmen bagi menunjukkan kesepakatan dan kesaksamaan orde ekonomi

Tidak terhitung bilangan lelaki dan wanita pelbagai agama dan dari pelbagai benua yang berusaha hidup dengan kesepakatan kehidupan antara sesama serta bekerja untuk memenuhi seruan dan kehendak diri. Namun di seluruh negara kita menyaksikan kebuluran dan kekurangan. Bukan hanya individu, tetapi institusi dan struktur yang tidak saksama juga bertanggungjawab atas tragedi ini. Jutaan manusia kini menganggur, jutaan mereka juga ditindas dengan pemberian kadar gaji yang rendah, dipinggirkan dari masyarakat, dan masa depan mereka dimusnahkan. Di sesetengah negara jurang antara yang kaya dengan yang miskin, yang berkuasa dan yang tidak berkuasa semakin membesar. Kita hidup dalam dunia dimana sosialisme negara totalitarian serta kapitalisme totok menghancurkan serta memusnahkan banyak nilai etika dan kerohanian. Mentaliti materialistik membenihkan sikap tamak terhadap keuntungan tanpa batas dan berterusan. Sikap tamak ini menelan sumber

alam semula jadi dan alam semesta ini.

E. Untuk menjadi manusia yang sebenar dalam semangat agama dan tradisi bererti bahawa dalam kehidupan umum atau peribadi seseorang harus mengambil berat mengenai orang lain dan sedia untuk membantu. Kita jangan sekali-kali bersikap gelojoh dan ganas. Setiap manusia, setiap bangsa, setiap agama harus menunjukkan sikap toleransi dan saling menghargai — bahkan penghargaan yang tinggi — antara sesama. Pihak minoriti memerlukan pembelaan dan perlindungan, tidak mengira kaum, bangsa atau agama.

masyarakat tanpa individu terbabit merasa bertanggungjawab untuk memberi sumbangan kembali. Rasuah adalah barah sosial yang semakin merebak di negara-negara membangun dan juga negara maju.

A. Dalam ajaran agama dan tradisi silam yang agung kami menemui panduan: Dan jangan kamu mencuri! Atau dalam nada positif: Berurusanlah dengan jujur dan saksama. Mari kita menilai semula panduan ini dan akibatnya: Tidak ada sesiapa berhak merampas serta mengambil hak orang bagi diri mereka sendiri. Ia juga memberi erti bahawa tidak ada sesiapa berhak menggunakan miliknya tanpa menghiraukan keperluan masyarakat dan Bumi.

B. Bila tahap kemiskinan meningkat, kesengsaraan dan ketidakupayaan berlaku, maka mencuri dan merompak dilakukan bagi meneruskan kehidupan. Di mana kuasa dan harta dikumpulkan secara rakus, sikap iri hati, kebencian, dan penentangan akan wujud di kalangan mereka yang terpinggir. Ini mewujudkan pusran keganasan dan timbal

balas terhadap keganasan. Dan jangan sesiapa tertipu: Tidak ada keamanan global tanpa keadilan global.

C. Remaja harus dididik di rumah dan sekolah bahawa kekayaan, sungguhpun terhad, membawa bersamanya tanggungjawab, dan ia harus digunakan untuk kebaikan sejagat. Melalui cara ini ekonomi yang adil mampu dibangunkan.

D. Sekiranya kedaifan berbilion manusia yang miskin di dunia ini, khususnya wanita dan kanak-kanak, mahu diperbaiki, ekonomi dunia harus distrukturkan dengan adil. Kebaikan yang dilakukan oleh individu dan bantuan yang disumbangkan tidak mencukupi. Penglibatan semua negara dan pihak berkuasa pertubuhan antarabangsa diperlukan untuk membina institusi ekonomi yang adil.

Satu penyelesaian yang dapat membantu kedua-dua pihak adalah penyelesaian hutang dan kemiskinan negara-negara dunia kedua dan ketiga. Memang tidak dapat dielakkan kewujudan konflik kepentingan antara sesama. Di negara-negara yang sedang membangun pembahagian harus dibuat antara keperluan dan penggunaan tanpa had, antara penggunaan harta yang memberi faedah kepada sosial dan yang tidak memberi faedah, antara penggunaan sumber alam yang wajar dan tidak wajar, dan antara ekonomi pasaran yang berasaskan keuntungan semata-mata dan yang berorientasi sosial dan ekologi. Bahkan negara-negara membangun harus juga meneliti

## 3. Komitmen kepada budaya toleransi dan kehidupan berlandaskan kebenaran

Tidak terhitung bilangan lelaki dan wanita pelbagai agama dan benua yang berusaha untuk hidup jujur dan benar. Namun, kita dapati di seluruh dunia berlaku penipuan, kecurangan,

dan menyedari hakikat ini.

Di mana juga pemerintah menekan yang diperintah, institusi mengancam individu, yang kuat menindas yang lemah, kita wajib menentang — melalui segala cara tanpa kekerasan.

E. Untuk menjadi manusia sebenar-benarnya dalam semangat agama dan tradisi agung bererti:

- ◆ Kita harus menggunakan kuasa ekonomi dan politik bagi berkhidmat kepada manusia dan tidak menyalahgunakannya untuk mendominasi. Kita sepatutnya memupuk semangat simpati terhadap mereka yang hidup dalam kesengsaraan, harus memberi tumpuan kepada kanak-kanak, golongan miskin, golongan tua, golongan cacat, pelarian dan yang keseorangan.

- ◆ Kita harus menanam sifat hormat menghormati antara sesama manusia serta bertoleransi bagi mencapai keseimbangan dalam kepentingan supaya minda tidak tertumpu kepada kehendak untuk memperolehi kuasa yang lebih dan sebarang bentuk persaingan yang tidak sihat.

- ◆ Kita harus menanam sikap kesederhanaan dan rendah diri serta tidak bertindak rakus dan haloba untuk kemewahan, darjat dan pangkat. Dalam ketamakan dan sifat haloba ini manusia akan kehilangan nilai kerohanian, kebebasan dan kewarasan yang perlu ada dalam membentuk kita sebagai manusia tulen.

pemalsuan dan hipokresi, ideologi dan demagogi:

- ◆ Ahli politik dan peniaga menggunakan tipu-daya sebagai cara untuk berjaya;

- ♦ Media massa menyebarkan ideologi dan propaganda dan tidak melapor kejadian sebenar, tidak menyampaikan maklumat malah manipulasi maklumat, mengejar nilai komersial dan tidak setia pada kebenaran;

- ♦ Ahli sains dan penyelidik menyerah diri kepada program ideologi dan politik yang moralnya boleh dipersoal, atau kepada kelompok berkepentingan ekonomi, atau menjustifikasi kajian yang mencabul asas nilai etika;

- ♦ Wakil agama menganggap agama lain kurang bernilai dan menyeru ke arah kefanatikan dan sikap tidak toleran bukannya hormat-menghormati dan faham-memahami.

**A.** Di dalam agama dan tradisi silam kami menemui panduan: Dan jangan kamu menipu. Atau dalam nada positif: Berkata dan berlaku benar. Mari kita menilai panduan ini dan akibatnya: Tidak ada lelaki atau wanita, institusi, negara atau gereja atau mana-mana komuniti agama mempunyai hak menipu manusia lain.

**B.** Ini adalah sangat benar dan perlu

- ♦ bagi mereka yang bekerja di media massa, kepada mereka kita mengharap laporan yang bebas serta benar. Mereka diharap sebagai pembela. Mereka tidak berdiri mengatasi norma moral tetapi mempunyai tanggungjawab untuk menghormati harga diri manusia, hak asasi manusia dan nilai-nilai asas. Mereka bertanggungjawab untuk menjadi lebih objektif, saksama, dan menjaga maruah manusia. Mereka tidak ada hak untuk menceroob ruang peribadi individu, memanipulasi pandangan awam, atau memutarbelit realiti;
- ♦ bagi artis, penulis dan ahli sains yang mana kepada mereka kita letakkan harapan kebebasan artistik dan akademik. Mereka tidak boleh terkecuali dari etika umum dan harus menyatakan kebenaran;

- ♦ bagi pemimpin negara, ahli-ahli politik, dan parti-parti politik, yang kepada mereka kita letakkan harapan untuk kebebasan kita sendiri. Apabila mereka menipu rakyat, apabila mereka

manipulasi kebenaran, apabila mereka bersikap rakus dalam negara atau dalam hubungan luar negara, kredibiliti mereka hilang dan berhak kehilangan jawatan dan pengundi. Sepatutnya, umum harus memberi sokongan kepada ahli politik yang berkata benar kepada orang bawahannya sepanjang masa;

- ♦ akhir sekali, bagi wakil agama-agama. Sekiranya mereka bertindak menimbulkan prejudis, kebencian dan permusuhan terhadap mereka yang berlainan kepercayaan, atau menyeru atau mengabsahkan perang agama, mereka berhak dikutuk oleh manusia dan wajar kehilangan pengikut.

Jangan sesiapa tertipu, tiada keadilan global tanpa kebenaran dan nilai kemanusiaan.

**C.** Remaja harus didik di rumah dan di sekolah untuk berfikir, berkata, dan bertindak atas kebenaran. Mereka mempunyai hak mendapat maklumat dan pelajaran agar mereka mampu membuat keputusan yang akan membentuk kehidupan mereka. Tanpa asas dan pembentukan beretika sulit untuk mereka menilai yang mana penting dan yang mana tidak. Dalam dunia banjir maklumat, standard etika dapat membantu mereka menapis apabila pendapat ditonjolkan sebagai fakta, menilik kepentingan tersembunyi, kecenderungan yang diperbesar, dan fakta yang diputarbelitkan.

**D.** Untuk menjadi manusia sebenar dalam semangat agama dan tradisi agung bererti:

- ♦ Kita tidak seharusnya keliru antara kebebasan dengan tindakan sesuka hati, pluralisme dengan sikap tidak peduli dengan kebenaran.
- ♦ Kita harus menanam kejujuran dalam semua perhubungan dan tidak berlaku curang dan mengambil kesempatan.

- ♦ Kita harus sentiasa mencari kebenaran serta jujur dan tidak menyebarkan cebisan kebenaran menurut ideologi atau kumpulan.

- ♦ Kita harus dengan berani menyatakan kebenaran dan sentiasa setia serta amanah, tidak menjadi oportunist yang bertindak demi keseselesaian hidup semata-mata.

#### 4. Komitmen ke arah budaya hak saksama dan perkongsian antara lelaki dan wanita

Tidak terhitung bilangan lelaki dan wanita pelbagai agama dan benua yang berusaha untuk hidup dalam semangat perkongsian dan tindakan bertanggung-jawab dalam hal pencintaan, seksualiti dan kekeluargaan. Namun, di seluruh dunia kita dapati berbagai bentuk patriarki, dominasi satu jantina terhadap jantina lain, eksploitasi wanita, penderaan seks terhadap kanak-kanak, dan pelacuran paksa. Terlalu sering, kegerutuan sosial memaksa wanita dan bahkan kanak-kanak ke lembah pelacuran untuk melangsungkan hidup – terutama di negara-negara kurang membangun.

**A.** Dalam agama dan tradisi silam yang agung kami menemui panduan: Kamu tidak harus melakukan hubungan seks tidak bermoral! Atau dalam nada yang positif: hormat dan kasih antara sesama! Mari kita nilai semula panduan ini dan akibatnya: Tidak sesiapa berhak meletakkan seseorang itu hanya sebagai objek seks, atau meletakkan seseorang itu dalam keadaan yang membuatnya terpaksa melakukan aktiviti tidak bermoral bagi menyara kehidupannya.

**B.** Kami mengutuk eksploitasi dan diskriminasi seksual sebagai salah dan bentuk penghinaan manusia yang terburuk. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menolak bilamana ada dominasi satu jantina ke atas jantina lain di mana sahaja – walaupun atas nama agama; di mana sahaja eksploitasi seksual diterima, di mana saja pelacuran digalakkan atau kanak-kanak diperdagang. Jangan sesiapa tertipu: Tidak ada kemanusiaan sebenar tanpa perkongsian hidup.

**C.** Remaja harus dididik di rumah dan di sekolah bahawa seksualiti bukan perkara negatif, memusnah, atau berkuasa menindas, tetapi ia adalah kreatif dan hakikat. Seksualiti sebagai pembentuk kehidupan masyarakat hanya akan lebih berkesan apabila pasangan

yang terbabit menerima tanggungjawab memelihara kebahagiaan antara sesama.

**D.** Perhubungan antara wanita dan lelaki seharusnya dicirikan bukan menerusi perlakuan menekan dan eksploitasi, tetapi berdasarkan kasih sayang, perkongsian hidup dan kepercayaan. Kepuasan insan tidak identikal dengan kepuasan seksual. Seksualiti seharusnya menonjol dan mengukuhkan hubungan kasih-sayang pasangan yang sama taraf.

Setengah tradisi agama memahami ideal penolakan secara sukarela penggunaan seksualiti sepenuhnya. Penolakan sukarela juga boleh menjadi ekspresi identiti dan pencapaian bermakna.

**E.** Institusi perkahwinan, di sebalik kepelbagaian budaya dan agama, dicirikan oleh cinta, kesetiaan, dan kekekalan la bertujuan menjamin keselamatan dan sokongan antara suami, isteri dan anak. Ia seharusnya menjamin hak seluruh anggota keluarga. Semua tempat dan budaya harus membangunkan hubungan ekonomi dan sosial yang memberi ruang untuk perkahwinan serta hidup berkeluarga selayaknya, khususnya untuk mereka yang telah berusia. Anak-anak berhak mendapat pendidikan. Ibu bapa tidak seharusnya mengeksploitasi anak-anak mereka. Perhubungan sesama mereka harus melambangkan nilai hormat-menghormati, menghargai serta mengambil berat terhadap satu sama lain.

**F.** Untuk menjadi manusia sebenar dalam semangat agama dan tradisi agung bererti:

- ♦ Kita memerlukan rasa hormat antara sesama, perkongsian, persefahaman dan bukan sikap dominasi bersifat patriarkal dan merendah-rendahkan taraf jantina berlainan.

♦ Kita memerlukan sikap ambil berat antara sesama, toleransi, kesediaan untuk berunding dan perasaan kasih sayang. Kita harus menghindari dari sebarang bentuk nafsu serakah dan salah laku seksual.

Hanya apa yang telah dilalui menerusi pengalaman peribadi dan hidup berkeluarga dapat diamalkan di peringkat nasional dan agama.

#### IV. Perubahan kesedaran

Sejarah telah membuktikan perkara-perkara berikut: Bumi tidak akan berubah menjadi lebih baik melainkan setelah kita mencapai perubahan kesedaran individu dan awam. Perubahan ini kelihatan berlaku dalam hal-hal yang berkaitan dengan keamanan dan peperangan, ekonomi dan ekologi di mana beberapa perubahan asas sudah kelihatan pada beberapa abad kebelakangan ini. Transformasi ini juga perlu dicapai dalam bidang etika dan nilai! Setiap manusia memiliki maruah dan hak, dan setiap mereka juga tidak dapat mengelak dari mengambil tanggungjawab atas apa yang telah dilaksanakan atau gagal dilaksanakan. Semua keputusan dan perbuatan, yang dilaksanakan atau gagal dilaksanakan mempunyai kesan.

Menghidupkan rasa tanggungjawab ini, menyemarakkan dan mewariskannya kepada generasi baru merupakan satu tugas khas agama-agama. Kami bersikap realistik dengan apa yang telah dicapai dalam persepakatan ini, dan kami menggesa perkara berikut dipantau:

1. Sulit mendapatkan kata sepakat dalam banyak persoalan etika yang diperdebatkan (dari bio-ethics dan etika seksual sehingga ke etika media massa dan etika saintifik sehinggalah etika ekonomi dan politik). Namun, walaupun terdapat begitu banyak persoalan kontroversi, penyelesaian yang sesuai seharusnya dapat dicapai menerusi semangat prinsip asas yang kita sama-sama gariskan di sini.

2. Dalam banyak aspek kehidupan, kesedaran baru tentang tanggungjawab beretika telah muncul. Dengan itu kita seharusnya dapat berpuas hati jika seramai

mungkin golongan profesional seperti ahli fizik, saintis, ahli perniagaan, wartawan, dan ahli politik cuba membangunkan kod etika terkini yang mampu menyediakan garis panduan bersesuaian dengan persoalan yang sering timbul berkaitan profesion masing-masing.

3. Lebih dari itu, kami menggesa pelbagai komuniti agama untuk merumuskan etika mereka yang khusus: Apakah pandangan setiap tradisi kepercayaan, sebagai contoh, tentang makna kehidupan dan kematian, penyeksaan yang kekal dan pengampunan terhadap penyesalan, pengorbanan diri dan meninggalkan kepentingan serta keghairahan diri, juga tentang keseronokan hidup? Semua ini akan memperdalam, atau lebih menjelaskan, lagi etika global.

Sebagai kesimpulan, kami merayu semua penduduk dunia. Bumi tidak dapat diubah menjadi lebih baik selagi kesedaran individu tidak diubah. Kami berikrar berusaha ke arah kesedaran individu dan masyarakat, untuk membangkitkan kekuatan rohani menerusi muhasabah diri, meditasi, doa, atau fikiran positif, ke arah penghijrahan jiwa. Bersama kita mampu mengalihkan gunung! Tanpa kesanggupan mengambil risiko dan kesediaan untuk berkorban tidak akan berlaku apa-apa pun perubahan! Oleh itu, kami menyerahkan diri kami ke arah mencapai etika global yang disepakati, untuk persefahaman lebih baik, juga ke arah pembentukan cara hidup yang memberi faedah kepada sosial, keamanan dan mesra-Bumi.

Kita mengundang semua lelaki dan wanita; beragama atau tidak beragama, supaya melakukan yang serupa!

## Mereka di bawah ini telah menandatangani Perisytiharan ke Arah Etika Dunia

### Bahai

Juana Conrad, Jacqueline Delahunt, Dr. Wilma Ellis, Charles Nolley, R. Leilani Smith, Yael Wurmfeld.

### Brahma Kumaris

B. K. Jagdish Chander Hassija, B. K. Dadi Prakashmani.

### Agama Buddha

Rev. Koshin Ogui, Sensei.

**Mahayana:** Rev. Chung Ok Lee.

**Theravada:** Dr. A. T. Ariyaratne, Preah Maha Ghosananda, Ajahn Phra Maha Surasak Jivanando, Dr. Chatsumarn Kabilsingh, Luang Poh Panyananda, Ven. Achahn Dr. Chuen Phangcham, Ven. Dr. Havanpola Ratanasara, Ven. Dr. Mapalagama Wipulasara Maha Thero.

**Vajrayana:** H. H. The XIVth Dalai Lama.

Zen: Prof. Masao Abe, Zen Master Seung Sahn, Rev. Samu Sunim.

### Agama Kristian

Blouke Carus, Dr. Yvonne Delk.

**Anglican:** Rev. Marcus Braybrooke, James Parks Morton.

**Orthodox:** Maria Svolos Gebhard.

**Protestant:** Dr. Thelma Adair, Martti Ahtisaari, Rev. Wesley Ariarajah, Dr. Gerald O. Barney, Dr. Nelvia M. Brady, Dr. David Breed, Rev. John Buchanan, Bischof R. Sheldon Duecker, Prof. Diana L. Eck, Dr. Leon D. Finney, Jr., Dr. James A.

Forbes, Jr., Bishop Frederick C. James, Archbishop Mikko Juva, Prof. James Nelson, Dr. David Ramage, Jr., Robert Reneker, Rev. Dr. Syngman Rhee, Rev. Margaret Orr Thomas, Prof. Carl Friedrich v. Weizsäcker, Prof. Henry Wilson, Rev. Addie Wyatt.

**Roman Catholic:** Rev. Thomas A. Baima, Cardinal Joseph Bernardin, Fr. Pierre- Francois de Bethune, Sr. Joan M. Chatfield MM, Rev. Theodore M. Hesburgh CSC, Abbot Timothy Kelly OSB, Jim Kenney, Prof. Hans Küng, Dolores Leakey, Sr. Joan Monica McGuire OP, Fr. Maximilian Mizzi, Dr. Robert Muller, Fr. Albert Nambiaparambil, Bishop Placido Rodriguez, Bishop Willy Romelus, Dorothy Savage, Brother David Steindl-Rast OSB, Brother Wayne Teasdale.

### Agama-agama Pribumi

H. I. G. Bambi Baaba.

**Akuapim:** Nana Apeadu.

**Yoruba:** S. K. H. Osejeman Adefunmi I, Baba Metahochi Kofi Zannu.

**Native American:** Archie Mosay, Burton Pretty On Top, Peter V. Catches.

### Agama Hindu

Dr. M. Aram, Jayashree Athavale-Talwarkar, S. H. Swami Chidananda Saraswati, Swami Chidananda Saraswati Muniji, Swami Dayananda Saraswati, Sadguru Sant Keshavadas, P. V. Krishnappa, Dr. Lakshmi Kumari, Amrish Mahajan, Dr. Krishna Reddy,



Prof. V. Madhusudan Reddy, Swami Satchidananda, S. H. Satguru Sivaya Subramuniyaswami, S. H. Dr. Bala Siva Yogindra Maharaj.

**Vedanta:** Pravrajika Amalaprana, Pravrajika Prabuddhaprana, Pravrajika Vivekaprana.

### **Agama Jain**

Dr. Rashmikant Gardi.

**Digambar:** Narendra P. Jain.

**Shwetambar:** S. H. Shri Atmanandji, Dipchand S. Gardi, S. E. Dr. L. M. Singhvi, S. H. Acharya Sushil Kumarji Maharaj.

### **Agama Yahudi**

Helen Spector.

**Conservativ:** Prof. Susannah Heschel.

**Reformed:** Rabbi Herbert Bronstein, Norma U. Levitt, Rabbi Herman Schaalman, Dr. Howard A. Sulkin.

**Orthodox:** Prof. Ephraim Isaac.

### **Islam**

Tan Sri Dato Seri Ahmad Sarji bin Abdul-Hamid, Dr. Qazi Ashfaq Ahmed, Hamid Ahmed, Mazhar Ahmed, Hon. Louis Farrakhan, Dr. Hamid Abdul Hai, Mohammed A. Hai, Dr. Mohammad Hamidullah, Dr. Aziza al-Hibri, Dr. Asad Husain, Dato Dr. Haji Ismail bin Ibrahim, Dr. Irfan Ahmat Khan, Qadir H. Khan, Dr. Abdel Rahman Osman,

Prof. Seyyed Hossein Nasr, Imam Dawud Assad, Imam Warith Deen Mohammed, Hon. Syed Shahabuddin.

### **Neo-Paganism**

Rev. Baroness Cara-Marguerite-Drusilla, Rev. Deborah Ann Light, Lady Olivia Robertson.

### **Agama Sikh**

Siri Singh Sahib Bhai Sahib Harbhajan Singh Khalsa Yogiji, Bhai Mohinder Singh, Dr. Mehervan Singh, Hardial Singh, Indarjit Singh, Singh Sahib Jathedar Manjit Singh, Dr. Balwant Singh Hansra.

### **Taoisme**

Chungliang Ai Huang.

### **Theosophisme**

Radha Burnier.

### **Agama Majusi**

Dastoor Dr. Kersey Antia, Dr. Homi Dhalla, Dastoor Dr. Kaikhusroo Minocher Jamaspasa, Dastoor Jehangir Oshidari, Rohinton Rivetna, Homi Taleyarkhan, Dastoor Kobad Zarolia, Dastoor Mehraban Zarhosty.

### **Pertubuhan-pertubuhan Antara Agama**

Karl Berolzheimer, Dr. Daniel Gomez-Ibanez, Ma Jaya Bhagavati, Peter Laurence, Dr. Karan Singh, Dr. John B. Taylor, Rev. Robert Traer, Dr. William F. Vendley.

Ramai lagi telah menandatangani tetapi tidak dapat dikenal pasti.



### **Sejarah Yayasan**

Persoalan Etika Dunia terbit dari buku Profesor Hans Kung "Tanggungjawab Global. Mencari Satu Etika Baru Dunia" (1990) yang diterbitkan pertama kalinya dalam bahasa Inggeris pada 1991. Buku ini berkembang menjadi program dengan idea bahawa agama-agama dunia boleh memberikan sumbangan untuk keamanan umat manusia sekiranya kita merenung kembali unsur-unsur etika yang telah kita miliki bersama: tentang muafakat bersama mengenai nilai-nilai murni, ukuran kekal dan sikap peribadi.

Projek Etika Dunia adalah berlandaskan keyakinan:

\* Tidak akan wujud keamanan antara negara tanpa keamanan antara agama-agama.

\* Tidak akan wujud keamanan antara agama tanpa dialog antara agama.

\* Tidak akan wujud dialog tanpa menyelidikan asas-asas agama.

Hasil utama dari penyelidikan terhadap asas-asas agama adalah "Perisytiharan Etika Dunia" yang telah diterima oleh Parlimen Agama-agama di Chicago, 1993. Derafnya ditulis oleh Hans Kung di Institut for Ecumenical Research, University of Tubingen.

Dengan perisytiharan ini, buat pertama kalinya wakil-wakil dari semua agama mencapai kata sepakat tentang prinsip-prinsip etika dunia

dan bertekad untuk mencapai empat matlamat:

\* komitmen kepada budaya menolak keganasan dan menghormati nyawa

\* komitmen kepada budaya solidariti dan tata ekonomi yang adil.

\* komitmen kepada budaya toleransi dan kehidupan berlandaskan kebenaran.

\* komitmen kepada budaya kesamaan hak dan perkongsian antara lelaki dan wanita.

Global Ethic Foundation telah wujud dengan ihsan Count K K von der Groeben. Dalam tahun 1995 beliau membaca "Global Responsibility" dan amat terkesan dengannya dan mendermakan sejumlah dana untuk menyebarkan idea etika dunia.

Faedah dari modal Yayasan akan memastikan bahawa satu pasukan kecil di bawah penyeliaan Hans Kung akan terlibat dengan kegiatan jangka panjang untuk menyebarkan etika dunia. Yayasan ini akan menyokong pelbagai usaha dan inisiatif untuk mencapai matlamat serupa. Landasan kepada kegiatan Yayasan adalah Perisytiharan ke Arah Etika Dunia yang di terima pakai oleh Parlimen Agama-agama.

## Matlamat Yayasan

### ***I. Bagi melaksanakan dan menggalakkan kajian antara-budaya dan antara-agama:***

Matlamat ini boleh dicapai secara khusus menerusi kajian teologi dan penyelidikan lain terhadap asas agama, khususnya menerusi penerbitan dan promosi bahan-bahan akademik (buku dan artikel) untuk kepentingan persefahaman antara-budaya, antara-agama dan inter-denominational.

### ***II. Merangsang dan melaksanakan pendidikan antara-budaya dan antara-agama:***

Matlamat ini akan dicapai secara khusus melalui - pendidikan dan pengajaran bagi penerangan hasil penyelidikan yang ditaja oleh Yayasan, khususnya idea yang berhubung kait dengan asas etika global. Ini akan dilaksanakan di rumah ibadat, akademi, sekolah, universiti, pertubuhan dan pihak-pihak yang berminat di peringkat nasional dan internasional;

- pendidikan lanjut bagi mereka yang berminat melalui persidangan, kuliah atau bengkel

bertujuan untuk mendalami tema-tema etika global ;

- publisiti bagi mempromosi etika global melalui media, (rencana akhbar, wawancara, program radio dan televisyen).

### ***III. Bagi menjayakan dan menyokong dialog antara-budaya dan antara-agama yang perlu untuk kajian dan pendidikan:***

Matlamat ini dapat dijayakan khususnya melalui - rangsangan dan galakan terhadap inisiatif yang dibuat dalam masyarakat, politik dan kebudayaan dalam usaha mencapai persefahaman (sebagai contoh, langkah untuk membina rasa percaya antara agama);

- mempromosi dialog untuk manusia berlainan budaya dan agama (kolokium, kembara sambil belajar dan kongres);

- membangunkan rangkaian hubungan antara-budaya dan agama yang sedia ada

- capaian kepada dokumen dan bahan bacaan utama dengan bantuan teknologi perhubungan moden.

#### **Lembaga Pengarah Urusan**

#### **Alamat**

#### **Telefon**

#### **Fax**

#### **E-mail**

#### **Internet**

#### **Bank**

Graf K. K. von der Groeben, Prof. Dr. Hans Küng & Prof. Dr. Karl-Josef Kuschel

Dipl.-Theol. Stephan Schlenzog

Waldhauser Strasse 23, D-72076 Tübingen, Germany

0049 - 70 71 - 6 26 46

0049 - 70 71 - 61 01 40

[office@global-ethic.org](mailto:office@global-ethic.org)

[www.global-ethic.org](http://www.global-ethic.org)

Deutsche Bank Tübingen, Kod Bank 640 700 85, No akaun 12 12 620



- Untuk menjaga keamanan, kebebasan dan keadilan;

- Bagi menguatkan institusi-institusi demokrasi;

- Untuk membasmi kemiskinan; dan

- Untuk mengekalkan warisan alam bagi generasi akan datang – semua ini cabaran yang sedang kita hadapi

Lebih 40 tahun Yayasan Konrad-Adenauer (KAF) telah menjalankan pelbagai program dengan pertubuhan di lebih 120 negara bagi menangani cabaran-cabaran ini.

Kegiatan antarabangsa KAF bertujuan:

- melaksana prinsip penyelesaian konflik secara bukan kegunaan
- mendukung demokrasi dan kedaulatan undang-undang (rule of law)
- menghormati hak-hak asasi manusia
- menggalakkan kefahaman melangkaui batasan negara dan budaya
- menyediakan langkah-langkah bantuan diri dalam proses pembangunan
- membasmi punca-punca kemiskinan, dan
- menggalakkan pemuliharaan alam sekitar

Inilah dasar keamanan kami yang aktif di peringkat sejagat.

Yayasan Konrad-Adenauer (KAF) digelar bersempena nama Canselor pertama Jerman dan dipandu oleh prinsip-prinsip kepimpinan Konrad-Adenauer (1876-1967), seorang

pengasas negara Jerman yang moden, aman dan sepenuhnya demokratik dan juga bapa Eropah yang bersatu. Nilai-nilai KAF juga dibentuk daripada ajaran Kristian Katolik dan etika Kristian Protestan. Namun, kami bersikap terbuka kepada semua ajaran dan kepercayaan, malah termasuk mereka yang tidak beragama, selagi mereka menghayati nilai-nilai keamanan, kebebasan dan keadilan.

KAF merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (Ros) di Jerman. Ia mempunyai hubungan erat dengan parti Kesatuan Kristian Demokratik (CDU), di mana KAF bertindak sebagai kumpulan pemikir dan juga badan latihan. Bagaimanapun, semua program latihan KAF terbuka kepada orang ramai.

Yayasan Konrad-Adenauer (KAF) diasaskan pada 1956 bagi menyediakan latihan sivik untuk kakitangan awam, pemimpin-pemimpin masyarakat dan warga negara yang berminat dalam politik bagi menggalakkan keamanan, kebebasan, keadilan, demokrasi, keluhuran

undang-undang dan konsep istimewa 'ekonomi sosial berasaskan pasaran' (Soziale Marktwirtschaft). Di Jerman, selain ibu pejabatnya di Berlin, KAF mengendalikan sebuah akademi, dua pusat dan 21 institut untuk pendidikan politik. Lebih 60 pejabat perwakilan di luar negara menjalankan program-program dialog, pendidikan dan pembangunan bersama 200 badan sejawat di lebih 120 negara.

Sejak 1970-an, KAF telah pun menjalankan kerjasama dengan badan-badan di Malaysia bagi menyokong pembinaan sebuah negara moden; antaranya,

- Institut Pengurusan Malaysia (MIM),
- Institut Kajian Dasar (IKD),
- Pusat Penyelidikan Strategi Malaysia (MSRC),
- Institut Kajian Pembangunan (IDS) di Sabah, dan
- Angkatan Zaman (Azam) di Sarawak.

Selain itu, KAF turut menjalin kerjasama dengan kerajaan dan NGO lain dalam kes-kes khusus seperti Persatuan Ketelusan dan Integriti Kuala Lumpur (KLSTI), Institut Asia untuk Pembangunan Komunikasi (Aidcom), Soka Gakkai Malaysia (SGM), Jaringan

Kerjasama Antara-Agama (MIN) dan lain-lain.

Di negara ini, selain matlamat-matlamat yang disebut tadi, KAF memberi tumpuan untuk mempromosi:

- kerjasama, penghargaan, rasa hormat, toleransi dan kefahaman antara-budaya, antara-kaum dan antara-agama
  - nilai-nilai asas bersama bagi semua agama, kepercayaan, budaya dan ketamadunan
  - konsep holistik untuk ekonomi pasaran yang mapan melibatkan pembangunan rohani, ekologi, sosial dan ekonomi yang berimbang
  - perlindungan alam sekitar, dan
  - integriti, ketelusan, kawalan demokrasi serta keluhuran undang-undang dalam usaha mengukuhkan pentadbiran kerajaan yang baik serta membantu kempen kerajaan memerangi rasuah dan penyelewengan kuasa
- Dibiayai sepenuhnya daripada dana kerajaan Jerman, semua program KAF di negara ini bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Jerman.

#### **Konrad-Adenauer-Foundation, Kuala Lumpur Office**

Tel : (603) 2713 7321  
 Fax : (603) 2713 7320  
 Email : kaskul@pd.jaring.my

Address : Suite 18-1, Level 18  
 Menara Genesis  
 33, Jalan Sultan Ismail  
 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

[www.kas.de/malaysia](http://www.kas.de/malaysia)



Malaysian Interfaith Network (MIN) atau 'Jaringan Kerjasama Antara-Agama' ditubuhkan ketika Sidang Meja Bulat Dialog Antara-Agama I di Taiping yang berlangsung 10 hingga 13 Disember 2002. Buat pertama kali sejak begitu lama, wakil-wakil daripada pelbagai agama di negara ini, termasuk yang beragama Islam, bertemu dan membincangkan nilai-nilai serta keprihatinan bersama.

Lebih 30 peserta Sidang Meja Bulat membentangkan pelbagai kegiatan sosial daripada beberapa pertubuhan agama dan antara-agama, dan menakrif nilai-nilai serta keprihatinan mereka dan kemudiannya menubuhkan enam kumpulan bertindak bagi menangani isu-isu yang lebih segera.

Akhirnya, mereka membuat keputusan untuk membentuk MIN:

- sebagai satu pentas komunikasi bagi pelbagai gerak kerja, usaha dan pertubuhan antara-agama
- mempromosi nilai-nilai bersama yang dikongsi semua kepercayaan, dan
- menyuburkan kefahaman serta kerjasama antara-agama

Pertemuan di Taiping itu membincangkan dan bersetuju tentang 'Nilai-nilai Utama Bersama':

1. Integriti dan Akauntabiliti
2. Kasih sayang dan Cinta

3. Rasa hormat
4. Keadilan
5. Kebebasan
6. Khidmat
7. Pemuliharaan Alam
8. Kesatuan agama
9. Keamanan
10. Kesamaan taraf antara jantina
11. Bersederhana

Pertemuan di Taiping itu turut mengenal pasti 'Keprihatinan Utama Bersama':

1. Penghakisan nilai kekeluargaan
2. Gejala ekstremisme
3. Kerosakan alam semula jadi
4. Pencabulan hak-hak asasi
5. Ketandusan nilai rohani
6. Kekurangan pendidikan pelbagai-agama
7. Kurang bertolak ansur
8. Nilai kebendaan dan sikap tamak
9. Kejahilan dan buruk sangka

Daripada nilai dan keprihatinan ini, mesyuarat di Taiping itu membentuk enam Kumpulan Bertindak:

1. Memupuk nilai-nilai kekeluargaan
2. Menggalakkan pendidikan pelbagai-agama dan Nilai-nilai bersama, khususnya 'Peraturan Mas' ("Hargailah orang lain sebagai mana anda ingin dihargai")
3. Khidmat kemasyarakatan

4. Perlindungan alam sekitar
  5. Perlindungan dan kempen kesedaran hak-hak asasi
  6. Penggalakan pentadbiran kerajaan yang baik
- Lima objektif utama MIN adalah:
1. merangsang kefahaman, tolak ansur, rasa hormat, penghargaan dan kerjasama antara-agama
  2. menggalakkan sudut-sudut pandangan sejagat dan nilai-nilai yang dikongsi bersama oleh semua kepercayaan
  3. mempromosi ketenangan batin, keamanan dengan semua pihak dan dengan alam sekitar
  4. membantu mencipta negara yang bertolak ansur, maju dan bersatu sejajar dengan semangat Perlembaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara, matlamat Wawasan 2020 dan juga Perisytiharan ke arah Etika Sejagat (Declaration toward a Global Ethic) yang dikeluarkan oleh Parlimen Agama-agama Sedunia.
  5. membina rangkaian dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan yang sesuai, di dalam dan di luar negara

Moto MIN adalah:

**Layanilah** orang lain  
sebagai mana anda  
ingin **dilayani**

Hubungi:

***Dr John Gurusamy***

Koordinator

Malaysian Interfaith Network (MIN)

Mobil: 012-609 74 87

Email: min\_asia@hotmail.com

[www.malaysianinterfaithnetwork.net](http://www.malaysianinterfaithnetwork.net)